

KEBERKESANAN PADLET DALAM MENINGKATKAN KOMPETENSI LITERASI MENULIS KARANGAN FAKTA: SATU KAJIAN KUASI-EKSPERIMENTAL TERHADAP PELAJAR TINGKATAN TIGA DI NEGERI PERLIS

The Effectiveness of Padlet in Enhancing Writing Literacy Competency in Factual Essays: A Quasi-Experimental Study Among Form Three Students in Perlis

*Nur Anis Afina Muhamad Dan¹, Mohd Hazreen Shah Hassan¹, Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi¹

¹Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author's email: hazreenshah@fbk.upsi.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
19-Jun-2025	28-Aug-2025	18-Dec-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Kemahiran menulis merupakan komponen asas yang perlu dikuasai oleh setiap murid. Namun begitu, tahap penguasaan murid dalam kemahiran menulis, khususnya penulisan karangan fakta masih berada pada tahap yang lemah. Kelemahan ini berpunca daripada kegagalan murid untuk memberi pengolahan idea yang relevan dan bernas. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan penggunaan platform digital, Padlet dalam meningkatkan kemahiran literasi penulisan karangan fakta dalam kalangan murid Tingkatan 3 di Negeri Perlis. Kajian berbentuk kuasi-eksperimental diimplementasikan dengan melibatkan seramai 55 orang murid yang dipilih secara rawak berkelompok daripada 11 buah kelas. Instrumen kajian terdiri daripada set ujian bertulis (pra dan pasca) yang dinilai berdasarkan rubrik pemarkahan terkini Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). Analisis statistik dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 23.0 untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan ujian-t berpasangan bagi menentukan perbezaan signifikan antara skor praujian dan pascaujian pada aras signifikan $p < 0.05$. Analisis akhir menunjukkan bahawa peningkatan yang signifikan terhadap prestasi kemahiran menulis murid selepas intervensi dijalankan. Analisis statistik menunjukkan peningkatan min skor daripada 15.51 (SP = 2.87) dalam praujian kepada 20.89 (SP = 3.99) dalam pascaujian, dengan nilai $-t = 21.34$ dan $p = 0.0001$. Analisis ini membuktikan bahawa Padlet secara signifikan dapat meningkatkan literasi kemahiran menulis murid. Selain itu, analisis kandungan secara kualitatif terhadap karangan murid daripada ujian pra dan pasca mewakili tiga tahap pencapaian, iaitu baik, kepujian dan cemerlang menunjukkan perkembangan positif dari segi kejelasan idea dan keberkesanan pengolahan isi karangan. Kajian ini membuktikan bahawa platform digital, Padlet berpotensi sebagai alat bantu pedagogi yang efektif dalam memperkukuh kecekapan literasi menulis, khususnya dalam penghasilan karangan yang lebih tersusun, bermakna dan selaras dengan keperluan kurikulum semasa.

Kata kunci: Literasi menulis, Padlet, Pengolahan idea, Pendekatan digital, Pembelajaran Abad ke-21

Abstract

Writing skills constitute a fundamental component that every student must master. However, students' proficiency in writing, particularly factual essay writing, remains

weak. This weakness largely stems from their inability to generate relevant and well-developed ideas. Therefore, the present study aims to evaluate the effectiveness of the digital platform Padlet in enhancing factual essay writing literacy among Form Three students in the state of Perlis. A quasi-experimental design was implemented, involving 55 students selected through cluster random sampling from 11 classes. The research instrument consisted of a set of written tests (pre-test and post-test) assessed using the latest scoring rubric of the Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). Statistical analyses were conducted using SPSS version 23.0 to obtain the mean, standard deviation, and paired t-test values to determine significant differences between pre-test and post-test scores at the significance level of $p < 0.05$. The final analysis indicates a significant improvement in students' writing performance following the intervention. The statistical results show an increase in mean scores from 15.51 (SD = 2.87) in the pre-test to 20.89 (SD = 3.99) in the post-test, with $t = 21.34$ and $p = 0.0001$. These findings demonstrate that Padlet significantly enhances students' writing literacy skills. In addition, a qualitative content analysis of students' essays from the pre-test and post-test, representing three achievement levels (good, credit, and excellent), revealed positive developments in idea clarity and the effectiveness of content organisation. This study provides empirical evidence that the Padlet digital platform has strong potential as an effective pedagogical tool for strengthening students' writing literacy, particularly in producing essays that are more structured, meaningful, and aligned with current curriculum requirements.

Keywords: Writing literacy, Padlet, Idea development, Digital approach, 21st-century skills

1.0 PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi, perkembangan teknologi bergerak seiring dengan kemajuan sistem pendidikan di negara kita. Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan amat penting bagi memastikan sistem pendidikan Malaysia bergerak setanding dengan negara maju. Tinjauan awal menunjukkan bahawa kurikulum semasa memberi penekanan kepada Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menyokong pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Perkara ini juga bertujuan untuk memperkukuh kemahiran berfikir, berkomunikasi dan kreativiti dalam kalangan murid (Ismail & Ahmad, 2022). Selaras dengan penekanan PAK-21 terhadap penguasaan TMK, kemajuan teknologi web menawarkan peluang baharu untuk memantapkan proses PdP. Revolusi daripada Web 1.0 yang bersifat pasif kepada Web 2.0 yang interaktif kini telah membuka ruang kolaborasi maya antara guru dan murid (Salleh & Harun, 2020). Aplikasi seperti Padlet, Prezi dan Powtoon digunakan secara meluas sebagai medium pengajaran digital dalam kalangan guru pada masa kini (Dayu & Aprillia, 2025). Platform ini membolehkan guru dan murid berinteraksi secara maya, melaksanakan pembelajaran sendiri dan mengakses sumber pendidikan terbuka secara percuma (Open Educational Resources).

Hari ini, pengintegrasian teknologi seperti aplikasi Web 2.0 bukan sahaja merangsang interaksi maya, malah turut memperkayakan kaedah penyampaian guru dalam bilik darjah. Guru kini boleh menyampaikan maklumat melalui pelbagai bentuk media seperti teks, audio, grafik dan animasi sekali gus meningkatkan minat dan kefahaman murid terhadap kandungan pelajaran (Ismail et al., 2024). Dalam konteks penguasaan kemahiran menulis, teknologi juga memainkan peranan penting dalam menyokong kemampuan pemikiran kritis dalam kalangan murid memandangkan penulisan merupakan satu proses kognitif yang kompleks (Fauzia et al., 2023). Sehubungan dengan itu, murid memerlukan bimbingan yang sistematik

agar dapat menguasai kemahiran menulis dengan lebih berkesan melalui pengintegrasian teknologi yang sesuai. Padlet merupakan platform dinding maya yang menyokong kolaborasi digital secara masa nyata (Anuyahong, 2024; Rofiah et al., 2024). Padlet membolehkan murid berbincang, berkongsi maklumat dan memberi respons terhadap tugas secara interaktif, termasuk di luar waktu persekolahan. Kajian lepas turut menunjukkan bahawa penggunaan Padlet dapat meningkatkan penglibatan murid dalam PdP serta menyokong pembelajaran sendiri (Chua & Abdul Raof, 2022; Rahman & Makmun, 2024). Seiring dengan potensi ini, pengintegrasian teknologi Web 2.0 dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam kemahiran menulis dilihat mampu mempertingkatkan tahap penguasaan dan keterlibatan murid secara lebih fleksibel dan bermakna. Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan penggunaan Padlet sebagai platform digital interaktif dalam memperkukuh kompetensi literasi kemahiran menulis dalam kalangan murid.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran menulis merupakan komponen asas dalam penguasaan bahasa. Namun begitu, pencapaian murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu masih membimbangkan, terutamanya dari aspek kemampuan mengembangkan isi secara matang dan tersusun serta menjana idea yang relevan dengan kehendak soalan (Tenggok & Nor Shaid, 2023). Selain itu, kaedah pengajaran konvensional yang masih diaplikasikan oleh guru-guru didapati kurang berkesan dalam merangsang pemikiran kritis murid. Guru lebih menumpukan kepada penyampaian maklumat untuk menghabiskan sukatan pelajaran berbanding membina kreativiti dan keupayaan murid menjana idea secara mandiri (Mohd Noor et al., 2025). Kelemahan ini turut dikaitkan dengan kekurangan bahan bantu mengajar yang mampu merangsang imaginasi dan kemahiran berfikir murid dalam konteks penulisan (Lim et al., 2024). Dalam era digital kini, pengintegrasian teknologi dalam PdP bahasa Melayu seharusnya dimanfaatkan secara optimum. Namun begitu, tahap penguasaan guru terhadap teknologi masih rendah yang menyukarkan pelaksanaan PdP secara interaktif bagi membantu perkembangan idea dan kreativiti murid (Mohamed Nawi & Mohamad, 2023). Aplikasi Web 2.0 seperti Padlet mempunyai potensi besar untuk meningkatkan interaksi, kolaborasi dan kreativiti dalam penulisan, namun penggunaannya masih belum meluas dalam bilik darjah (Abd Aziz et al., 2021). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan Padlet dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid. Kajian ini penting untuk mengenal pasti pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan bagi meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan bahasa Melayu, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan pedagogi guru dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengetahui tahap kompetensi literasi penulisan karangan fakta dalam kalangan murid sebelum dan selepas pelaksanaan pembelajaran berasaskan Padlet; dan

- b) Menganalisis perbezaan signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid antara skor praujian dan pascaujian selepas intervensi Padlet dilaksanakan.

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

Bagi menguji kesan intervensi yang dijalankan, hipotesis kajian berikut telah dibentuk:

- a) Hipotesis Nol (H₀): Tiada perbezaan signifikan dalam tahap kompetensi literasi penulisan karangan fakta murid antara skor praujian dan pascaujian selepas pelaksanaan intervensi Padlet.
- b) Hipotesis Alternatif (H₁): Terdapat perbezaan signifikan dalam tahap kompetensi literasi penulisan karangan fakta murid antara skor praujian dan pascaujian selepas pelaksanaan intervensi Padlet.

5.0 SOROTAN KAJIAN

Penulisan karangan merupakan satu bentuk ekspresi bahasa yang kompleks, melibatkan kemahiran kognitif, linguistik dan imaginatif. Walaupun kemahiran ini telah diberi penekanan dalam kurikulum Bahasa Melayu, murid masih menghadapi cabaran dalam menghasilkan karangan yang matang dan tersusun. Kajian menunjukkan bahawa antara isu utama ialah kelemahan dalam menjana idea yang relevan, kekaburan fokus penulisan dan struktur perenggan yang tidak kohesif (Tenggok & Nor Shaid, 2023). Tambahan pula, kaedah pengajaran konvensional yang terlalu berpusatkan guru dan bersifat mekanikal seringkali membantutkan keupayaan murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif (Mohd Noor et al., 2025). Dalam konteks ini, sistem pendidikan perlu merombak pendekatan sedia ada agar lebih responsif terhadap keperluan PAK-21.

Seiring dengan hasrat kurikulum yang menekankan PAK-21, pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah menjadi landasan utama bagi memperkukuh kecekapan literasi murid. PAK-21 tidak hanya memfokuskan kepada pencapaian akademik, malah memberi perhatian kepada penerapan kemahiran berfikir, berkomunikasi dan berinovasi (Ismail & Ahmad, 2022). Dalam usaha kita merealisasikan misi tersebut, penguasaan teknologi perlu diperkasa bagi menyokong pengalaman pembelajaran yang lebih holistik. Namun begitu, realiti semasa menunjukkan tahap penguasaan teknologi dalam kalangan guru masih rendah sekali gus menyukarkan pelaksanaan PdP interaktif yang dapat menyokong perkembangan idea murid (Mohamed Nawi & Mohamad, 2023). Kelemahan ini turut dikenal pasti sebagai faktor yang menyumbang kepada penguasaan penulisan yang lemah meskipun kajian telah membuktikan bahawa pengintegrasian teknologi berupaya menyokong pembelajaran sendiri dan berpusatkan pelajar (Lim et al., 2024).

Pada abad ini, kemunculan teknologi Web 2.0 telah membawa dimensi baharu dalam amalan pedagogi. Berbeza dengan Web 1.0 yang bersifat pasif, Web 2.0 menampilkan ruang interaktif dan kolaboratif antara guru dengan murid (Salleh & Harun, 2020). Aplikasi seperti Padlet, Prezi dan Powtoon telah digunakan secara meluas dalam bilik darjah untuk menggalakkan murid berinteraksi secara maya, mengakses maklumat secara bebas serta berkongsi idea secara visual (Dayu & Aprillia, 2025). Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa variasi media dalam penyampaian kandungan pelajaran termasuk teks, grafik dan animasi mampu menarik minat serta memperkukuh kefahaman pelajar terhadap pelajaran (Ismail et

al., 2024). Dalam konteks penulisan pula, teknologi bukan sahaja berfungsi sebagai alat bantu visual, malah turut menyokong proses kognitif yang kompleks dan kritikal dalam pembinaan ayat serta struktur karangan (Fauzia et al., 2023).

Dalam pada itu, Padlet sebagai salah satu platform Web 2.0 telah dikenal pasti sebagai antara medium yang berkesan dalam menggalakkan penulisan sendiri dan interaktif. Fungsi Padlet membolehkan murid memberi respons, berkongsi idea dan mempersembahkan hasil kerja mereka dalam satu ruang kolaboratif yang sama (Anuyahong, 2024; Rofiah et al., 2024). Kajian turut menunjukkan bahawa Padlet dapat meningkatkan keterlibatan murid dalam PdP dan memberi ruang untuk pembelajaran sendiri yang bermakna (Chua & Abdul Raof, 2022; Rahman & Makmun, 2024). Walau bagaimanapun, penggunaan Padlet dalam bilik darjah masih belum meluas, khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu, meskipun potensinya sebagai platform penulisan interaktif telah terbukti (Abd Aziz et al., 2021).

Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa penguasaan penulisan dalam kalangan murid dapat ditingkatkan melalui pendekatan teknologi yang kolaboratif dan mesra pengguna. Menerusi aplikasi Padlet, guru bukan sahaja dapat memperkukuh aspek kandungan dan struktur karangan, malah dapat menyediakan bimbingan formatif secara berterusan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan penggunaan Padlet dalam meningkatkan kompetensi literasi penulisan karangan fakta dalam kalangan murid Tingkatan Tiga.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berpaksikan reka bentuk kuasi-eksperimental melibatkan praujian dan pascaujian bagi menilai impak intervensi pengajaran menggunakan Padlet terhadap kecekapan penulisan karangan murid. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan perbandingan langsung antara pencapaian sebelum dan selepas intervensi dalam konteks bilik darjah sebenar tanpa manipulasi kumpulan kawalan. Seramai 55 orang murid Tingkatan 3 dari sebuah sekolah menengah harian di negeri Perlis telah dipilih secara rawak berkelompok daripada 11 kelas dengan nisbah 1 kelas bersamaan dengan 5 orang murid (1:5) secara sukarela. Sebelum intervensi dilaksanakan, kesemua murid yang terlibat menjalani praujian berbentuk karangan respons terbuka bertemakan "Amalan Gaya Hidup Sihat". Lanjutan itu, intervensi menggunakan Padlet dalam PdP dijalankan selama dua minggu. Setelah selesai proses intervensi, pascaujian dijalankan dengan menggunakan soalan yang sama. Kedua-dua set ujian dinilai berdasarkan rubrik pemarkahan berasaskan format terkini Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) seperti dalam Jadual 1 dengan memfokuskan kriteria pemarkahan pada pengolahan isi semata-mata. Aspek lain seperti kohesi wacana, keutuhan struktur perenggan dan ketepatan bahasa tidak dinilai. Skor pemarkahan karangan dikategorikan mengikut lima peringkat seperti berikut:

Jadual 1: Peringkat Pemarkahan Karangan Respons Terbuka

Peringkat	Julat Markah
Cemerlang	25 – 30
Kepujian	19 – 24
Baik	13 – 18
Memuaskan	07 – 12
Penguasaan Minimum	01 – 06

(Sumber: Penskoran Ujian Bertulis Bahasa Melayu Tingkatan 3)

Dalam pada itu, data kuantitatif terhadap skor praujian dan pascaujian dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0 bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan ujian-t. Ujian-t digunakan untuk menentukan perbezaan signifikan antara skor praujian dengan pascaujian pada aras signifikan $p < 0.05$. Sebagai pelengkap, analisis kandungan secara kualitatif terhadap karangan praujian dan pascaujian turut dijalankan yang mewakili tiga tahap pencapaian, iaitu cemerlang, kepujian dan sederhana. Analisis ini meneliti aspek pembangunan isi dan susunan logik karangan murid sebelum dan selepas intervensi. Hal ini bertujuan untuk menilai secara lebih holistik keberkesanan Padlet sebagai alat sokongan pedagogi dalam memperkasa kemahiran penulisan yang terarah dan autentik.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 55 orang murid sekolah Tingkatan 3 yang terdiri daripada 19 orang murid lelaki dan 36 orang murid perempuan. Secara peratusan, murid perempuan mencatat bilangan yang lebih tinggi iaitu 65.5%, manakala murid lelaki mewakili 34.5% daripada keseluruhan responden.

7.1 Analisis Tahap Pencapaian Murid dalam Praujian

Seramai 55 orang murid telah terlibat dalam pelaksanaan praujian bagi menilai tahap asas kompetensi literasi penulisan sebelum intervensi menggunakan aplikasi Padlet diperkenalkan. Hasil analisis awal seperti dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa sebahagian besar murid berada pada tahap baik (13–18 markah), melibatkan seramai 37 orang murid (67.3%). Seterusnya, seramai 10 orang murid (18.2%) menunjukkan pencapaian pada tahap memuaskan (07–12 markah), manakala hanya 8 orang murid (14.5%) mencapai tahap kepujian (19–24 markah). Menariknya, tiada seorang pun murid yang mencatat keputusan pada tahap cemerlang (25–30 markah) atau penguasaan minimum (01–06 markah). Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan pola penguasaan penulisan yang masih sederhana, sekali gus mengesahkan keperluan kepada intervensi pedagogi berasaskan teknologi bagi memperkukuh kecekapan literasi murid secara lebih sistematik dan menyeluruh.

Jadual 2 Statistik Tahap Pencapaian Murid dalam Praujian

Tahap Pencapaian (Markah)	Bil. Murid (orang)	Peratusan (%)
Penguasaan Minimum (01-06)	0	0
Memuaskan (07-12)	10	18.2
Baik (13-18)	37	67.3
Kepujian (19-24)	8	14.5
Cemerlang (25-30)	0	0
Jumlah	55	100

Dalam pada itu, analisis dokumen terhadap hasil penulisan karangan murid yang mencapai tahap memuaskan menunjukkan bahawa kemampuan murid untuk mengemukakan idea asas secara ringkas, namun pengolahan yang diberikan agak cetek dan tidak berkembang. Idea-idea yang dikemukakan kurang relevan dengan tema dan kurang disokong oleh huraian atau contoh yang jelas. Ayat yang digunakan cenderung bersifat literal dan repetitif. Murid pada tahap baik pula menunjukkan keupayaan untuk menyampaikan idea yang lebih terarah dan sesuai dengan tugas, namun masih bersifat permukaan dan belum disertakan dengan hujah yang mendalam. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dari segi

kesinambungan antara isi, pengolahan idea masih statik dan kurang elemen kepelbagaian. Bagi murid tahap kepujian, analisis menunjukkan pengolahan idea yang lebih sistematik dan menyeluruh. Murid pada tahap ini dapat menyampaikan isi yang bersesuaian dengan tema serta menyokongnya dengan huraian dan contoh konkrit. Walaupun idea yang dikemukakan belum mencapai tahap analisis yang mendalam atau bersifat reflektif, namun terdapat ciri-ciri pengembangan yang menunjukkan potensi ke arah penulisan yang lebih matang (Ismail et al., 2024; Tengkok & Nor Shaid, 2023).

Secara keseluruhannya, analisis praujian ini memperlihatkan bahawa tahap penguasaan kemahiran pengolahan idea dalam kalangan murid masih berada pada peringkat asas hingga sederhana. Hal ini menandakan keperluan kepada pendekatan pedagogi yang lebih interaktif dan responsif, khususnya melalui pengintegrasian teknologi digital yang terbukti menyokong pembangunan pemikiran kritis dan kreatif dalam penulisan (Ismail & Ahmad, 2022; Dayu & Aprillia, 2025; Chua & Abdul Raof, 2022). Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran penulisan seperti Padlet boleh membantu murid membina pengembangan idea yang lebih bermakna secara kolaboratif (Fauzia et al., 2023).

7.2 Analisis Tahap Pencapaian Murid dalam Pascaujian

Analisis data pascaujian seperti dalam Jadual 3 menunjukkan peningkatan ketara terhadap tahap pencapaian literasi menulis selepas pelaksanaan intervensi berasaskan Padlet. Seramai 29 orang murid (52.7%) berada pada tahap kepujian (19–24 markah), manakala 12 orang murid (21.8%) mencatatkan pencapaian pada tahap Cemerlang (25–30 markah). Sebanyak 14 orang murid (25.5%) pula berada pada tahap baik (13–18 markah). Tiada murid yang berada pada tahap memuaskan (07–12 markah) atau penguasaan minimum (01–06 markah). Dapatan ini memperlihatkan peralihan positif daripada skor sederhana ke tahap pencapaian yang lebih tinggi, sekali gus membuktikan keberkesanan penggunaan Padlet dalam memperkukuh kemahiran penulisan murid.

Jadual 3 Statistik Tahap Pencapaian Murid dalam Pascaujian

Tahap Pencapaian (Markah)	Bil. Murid (orang)	Peratusan (%)
Penguasaan Minimum (01-06)	0	0
Memuaskan (07-12)	0	0
Baik (13-18)	14	25.5
Kepujian (19-24)	29	52.7
Cemerlang (25-30)	12	21.8
Jumlah	55	100

Lanjutan itu, analisis dokumen terhadap hasil penulisan karangan murid pada peringkat pascaujian pula menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan yang ketara dari aspek kejelasan, kelogikan dan susunan idea utama. Murid pada tahap cemerlang menonjolkan pengolahan idea yang matang dengan hujah yang terperinci, disokong contoh yang relevan dan disusun secara koheren. Mereka juga mampu mengekalkan fokus penulisan serta mempersembahkan isi dengan gaya yang meyakinkan. Murid pada tahap kepujian pula menunjukkan keupayaan untuk mengembangkan isi dengan jelas, menggunakan struktur ayat yang lebih teratur dan menampilkan huraian yang lebih mantap berbanding praujian. Bagi murid yang berada pada tahap baik, peningkatan dapat dikesan melalui usaha memperkemas idea dan penyusunan hujah, walaupun masih terdapat kekangan dari segi keluasan isi dan kedalaman huraian.

Oleh itu, analisis pascaujian ini mengukuhkan pandangan sarjana terdahulu bahawa integrasi teknologi seperti Padlet bukan sahaja meningkatkan motivasi murid, malah menyokong proses penjanaaan dan pengembangan idea secara tersusun dan bermakna (Fauzia, Purwati & Syafiul Anam, 2023; Anuyahong, 2024; Chua & Abdul Raof, 2022). Platform ini menyediakan ruang kolaboratif dan interaktif yang membolehkan murid memperoleh maklum balas secara langsung, memperbaiki kelemahan dan memperkayakan isi penulisan melalui bimbingan berterusan (Rahman & Makmun, 2024; Salleh & Harun, 2020).

7.3 Analisis Statistik dan Pengujian Hipotesis

Kajian ini menguji keberkesanan penggunaan Padlet terhadap kompetensi literasi menulis murid melalui analisis ujian-t berpasangan. Dua hipotesis berikut telah dirumuskan:

- a) Hipotesis Nol (H_0): Tiada perbezaan signifikan dalam tahap kompetensi literasi penulisan karangan fakta murid antara skor praujian dan pascaujian selepas pelaksanaan intervensi Padlet.
- b) Hipotesis Alternatif (H_1): Terdapat perbezaan signifikan dalam tahap kompetensi literasi penulisan karangan fakta murid antara skor praujian dan pascaujian selepas pelaksanaan intervensi Padlet.

Jadual 4 Ujian-t Berpasangan bagi Praujian dan Pascaujian

Sampel	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	p
Praujian	55	15.51	2.87	21.34	0.0001
Pascaujian	55	20.89	3.99		

Keputusan analisis ujian-t berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor praujian ($M = 15.51$, $SD = 2.87$) dengan pascaujian ($M = 20.89$, $SD = 3.99$) dalam kalangan 55 orang responden. Nilai $t = 21.34$ dengan tahap signifikan $p < 0.0001$ membuktikan bahawa peningkatan skor pascaujian bukanlah bersifat rawak atau kebetulan, sebaliknya merupakan kesan langsung daripada pelaksanaan intervensi berasaskan Padlet dalam pengajaran literasi menulis. Oleh itu, hipotesis nol (H_0) ditolak, dan hipotesis alternatif (H_1) diterima.

Peningkatan purata skor sebanyak 5.38 markah mengesahkan bahawa penggunaan Padlet telah memberikan impak yang signifikan terhadap penguasaan kemahiran mengolah idea secara tersusun dan bermakna. Dapatan ini konsisten dengan penemuan kajian lepas yang menegaskan peranan positif teknologi kolaboratif dalam memupuk penglibatan aktif pelajar serta mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan penulisan mereka (Chua & Abdul Raof, 2022; Fauzia et al., 2023; Salleh & Harun, 2020). Justeru, pendekatan ini memperkukuh lagi keperluan inovasi pedagogi dalam meningkatkan literasi menulis secara lebih berimpak dan berpusatkan pelajar (Rahman & Makmun, 2024; Norhaslinda Hassan & Ridzwan Che' Rus, 2023).


7.4 Analisis Perbandingan Hasil Penulisan Karangan Murid dalam Praujian dengan Pascaujian

Selain analisis kuantitatif melalui ujian statistik, kajian ini turut menjalankan analisis dokumen terhadap hasil penulisan karangan murid bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang perubahan mutu penulisan murid sebelum dan selepas intervensi. Analisis ini memberi tumpuan khusus kepada aspek pengolahan idea, iaitu perkembangan isi, kejelasan hujah dan keteraturan susunan maklumat dalam karangan. Perbandingan ini dijalankan terhadap karangan murid yang


mewakili tiga tahap pencapaian utama iaitu baik, kepujian dan cemerlang bagi mengenal pasti sejauh mana penggunaan Padlet telah mempengaruhi kebolehan murid dalam mengembangkan isi penulisan dengan lebih terarah dan bermakna.

1. Analisis Tahap Pencapaian Memuaskan ke Baik Murid 7

Murid 7 (M7) dipilih sebagai wakil murid yang menunjukkan peningkatan daripada tahap memuaskan kepada tahap baik selepas intervensi dijalankan. Analisis ini dilaksanakan dengan meneliti perkembangan dari aspek pengolahan idea dalam penulisan perenggan yang dihasilkan oleh M7 dalam praujian dan pascaujian.



Rajah 1 Contoh Perenggan Isi Praujian M7



Rajah 2 Contoh Perenggan Isi Pascaujian M7

Rajah 1 dan Rajah 2 masing-masing menunjukkan perenggan isi yang dihasilkan oleh M7 sebelum dan selepas intervensi. Bagi memudahkan proses penilaian, satu jadual perbandingan seperti Jadual 5 dibina berdasarkan elemen-elemen utama penulisan isi perenggan seperti idea utama, huraian sokongan, contoh dan penegasan isi.

Jadual 5 Analisis Perbandingan Kandungan Perenggan M7


Pekara	Praujian	Pascaujian
Idea/Isi Utama	...kita haruslah makan makanan yang seimbang	...menjaga pemakanan seharian.
Huraian Sokongan	...supaya badan kita tidak menjadi obes	...mengikut piramid makanan yang disediakan oleh Kerajaan Kesihatan Malaysia.
Contoh	-	Hal ini untuk mengelakkan mendapat penyakit kronik seperti diabetes dan darah tinggi
Penegasan Isi	-	Oleh itu, kita mestilah mengambil makanan yang berkhasiat untuk mengekalkan badan yang sihat.
Tahap Pencapaian	Memuaskan	Baik

Dalam praujian, M7 menghasilkan perenggan isi dengan idea utamanya "...kita haruslah makan makanan yang seimbang". Huraian yang diberikan pula berbentuk pernyataan umum iaitu "...supaya badan kita tidak menjadi obes" dan tidak disokong oleh sebarang contoh konkrit dan penegasan akhir. Penulisan ini menggambarkan penguasaan asas terhadap kehendak tugas, namun begitu pengolahan idea tidak berkembang dan tidak menunjukkan kesinambungan hujah yang mantap. Ayat yang digunakan juga ringkas dan struktur perenggan kurang tersusun, sejajar dengan tahap memuaskan. Dalam pascaujian pula, M7 memperlihatkan peningkatan yang jelas dalam aspek pengolahan idea. Idea utama ditulis dengan lebih padat dan terfokus, iaitu "...menjaga pemakanan seharian" yang disokong dengan huraian "...mengikut piramid makanan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia". Penambahan contoh "hal ini untuk mengelakkan mendapat penyakit kronik seperti diabetes dan darah tinggi" menunjukkan pemahaman yang lebih baik terhadap kehendak tajuk serta kematangan dalam menulis. Pada akhir perenggan, M7 turut menambah penegasan isi "oleh itu, kita mestilah mengambil makanan yang berkhasiat untuk mengekalkan badan yang sihat" yang melengkapkan struktur perenggan dengan kemas.

Secara keseluruhan, perenggan pascaujian yang dihasilkan oleh M7 menunjukkan peningkatan dari segi kekayaan idea, ketepatan huraian, dan kejelasan hubungan antara isi, huraian, dan contoh. Ayat yang digunakan juga lebih bervariasi dan berstruktur. Kehadiran sokongan yang berautoriti, iaitu "...Kementerian Kesihatan Malaysia" menunjukkan bahawa M7 menyandarkan pendiriannya kepada sumber yang sah dan dipercayai oleh masyarakat. Berdasarkan perubahan ini, M7 telah menunjukkan peningkatan tahap pencapaian daripada tahap memuaskan kepada tahap baik. Dapatan ini membuktikan bahawa penggunaan Padlet sebagai medium intervensi berupaya merangsang pengembangan idea dan meningkatkan keupayaan murid dalam menghasilkan penulisan yang lebih matang dan tersusun.

2. Analisis Tahap Pencapaian Baik ke Keujian Murid 12

Murid 12 (M12) mewakili kategori murid yang mencatat peningkatan daripada tahap baik kepada keujian selepas mengikuti intervensi berasaskan penggunaan Padlet. Penambahbaikan penulisan M12 diteliti melalui perbandingan kandungan perenggan isi yang dihasilkan sebelum dan selepas intervensi.



Rajah 3 Contoh Perenggan Isi Praujian M12

Pertama sekali (menjaga pemakanan seharian) seperti (mengikut piramid makanan) supaya kita mengikut jadual tersebut. Contohnya, boleh menggunakan konsep suku-suku separuh iaitu protein seperti ayam, karbohidrat seperti nasi, separuh seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Oleh sebab itu, kita perlu mengikut piramid makanan supaya pemakanan kita sihat dan teratur.

Rajah 4 Contoh Perenggan Isi Pascaujian M12

Rajah 3 dan Rajah 4 masing-masing memaparkan perenggan isi karangan yang dihasilkan oleh M12 semasa praujian dan pascaujian. Bagi menelusuri perincian perkembangan penulisan, Jadual perbandingan telah disusun .

Jadual 6 Analisis Perbandingan Kandungan Perenggan M12

Pekara	Praujian	Pascaujian
Idea/Isi Utama	...perlu menjaga pemakanan	...menjaga pemakanan seharian
Huraian Sokongan	...kerana pemakanan juga dikategorikan sebagai gaya hidup sihat	...mengikut piramid makanan
Contoh	Kita perlulah makan makanan yang seimbang dan mengandungi zat besi seperti sayur-sayuran, buah-buahan, dan lain-lain.	Contohnya, boleh menggunakan konsep suku-suku separuh iaitu protien seperti ayam, karbohidat seperti nasi, separuh seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.
Penegasan Isi	-	Oleh itu, kita perlu mengikut piramid makanan supaya pemakanan kita sihat dan teratur
Tahap Pencapaian	Baik	Kepujian


Dari segi idea utama, M12 menunjukkan konsistensi dalam menyampaikan topik berkaitan pemakanan sihat. Namun begitu, pada peringkat pascaujian, idea yang dikemukakan oleh M12 dilihat lebih khusus dan terarah, iaitu "...menjaga pemakanan seharian" berbanding pernyataan umum dalam praujian "...perlu menjaga pemakanan". Perbezaan ini memperlihatkan peningkatan dari aspek kejelasan dan penyesuaian idea terhadap kehendak tugas penulisan. Bagi huraian sokongan, M12 turut menunjukkan perkembangan dari segi kejelasan dan keberkesanan penyampaian maklumat. Dalam praujian, M12 hanya menyatakan huraian berkaitan hubungan pemakanan dengan gaya hidup sihat tanpa sebarang pengembangan yang menyeluruh. Sebaliknya, dalam pascaujian, M12 telah mengemukakan yang lebih konkrit iaitu berpandukan panduan pemakanan rasmi dengan menyatakan "...mengikut piramid makanan". Huraian yang dikemukakan ini memperlihatkan kefahaman yang lebih jelas dan keupayaan M12 untuk menyampaikan isi secara lebih terarah dan bermaklumat. Aspek contoh pula, perbezaan yang ketara turut dikenal pasti. Semasa praujian, contoh yang diberikan masih bersifat umum. M12 hanya menyenaraikan contoh-contoh makanan yang mengandungi zat. Sebaliknya, dalam pascaujian, M12 telah berjaya mengemukakan contoh yang lebih terperinci melalui penggunaan konsep "...suku-suku separuh" dan "... separuh" berserta penjelasan lanjutan. Hal ini menunjukkan bahawa M12 telah berupaya mengaplikasikan maklumat yang lebih tepat dan relevan terhadap isi yang dikemukakan sekali gus memperkukuh kekayaan kandungan perenggan. Pada bahagian penegasan isi, hanya perenggan pascaujian yang memaparkan elemen ini. Penambahan penegasan pada akhir perenggan pascaujian menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membuat rumusan serta menutup perenggan

dengan mesej yang jelas dan kukuh. Hal ini memperlihatkan struktur perenggan yang lebih lengkap dan matang selepas intervensi dilaksanakan.


Secara keseluruhannya, peningkatan daripada tahap baik kepada tahap kepujian dalam penulisan M12 dapat dikaitkan dengan pelaksanaan intervensi berasaskan Padlet yang telah memberi kesan positif terhadap keupayaan murid dalam membina dan mengembangkan idea secara lebih tersusun, berfakta dan relevan. Dapatan ini menyokong penemuan kajian oleh Rofiah et al. (2023) yang menegaskan bahawa pengintegrasian teknologi digital dalam pengajaran penulisan mampu meningkatkan kejelasan idea, keutuhan struktur ayat serta daya pengembangan isi dalam kalangan murid.

3. Analisis Tahap Pencapaian Baik ke Cemerlang Murid 5

Murid 5 (M5) telah dikenal pasti sebagai salah seorang murid yang menunjukkan peningkatan ketara daripada tahap Baik kepada Cemerlang selepas pelaksanaan intervensi menggunakan Padlet.



Rajah 5 Contoh Perenggan Isi Praujian M5



Rajah 6 Contoh Perenggan Isi Pascaujian M5

Rajah 5 dan Rajah 6 memaparkan perbandingan perenggan isi yang dihasilkan oleh M5 dalam praujian dan pascaujian. Kedua-dua perenggan ini dianalisis seperti dalam Jadual 7 untuk mengenal pasti perubahan gaya penulisan karangan murid dari segi kejelasan idea, pengembangan huraian, ketepatan contoh dan keutuhan penegasan isi selepas intervensi dijalankan.

Analisis terhadap idea utama M5 menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan dari segi ketepatan dan fokus terhadap kehendak tugas. Dalam praujian, idea yang dikemukakan bersifat umum iaitu "...amalan pemakanan mengikut piramid makanan." Walaupun relevan, pernyataan tersebut masih bersifat deskriptif. Dalam pascaujian, M5 mengemukakan idea yang lebih spesifik dan berorientasikan kesan, iaitu "...mengambil makanan yang bernutrisi untuk tubuh badan". Perkara ini mencerminkan peningkatan kejelasan serta pemahaman terhadap tujuan penulisan, iaitu menghubungkan amalan pemakanan dengan

kesihatan tubuh. Bagi aspek huraian sokongan pula, perkembangan dapat dilihat dengan ketara. Huraian dalam praujian hanya menyatakan kelebihan piramid makanan secara umum tanpa penjelasan saintifik. Sebaliknya, dalam pascaujian, huraian dikembangkan secara lebih terperinci dan logik pemakanan sebagai "...pemacu kepada tubuh badan sihat" serta penerangan fungsi nutrien dalam menyokong sistem tubuh. Huraian ini menunjukkan keupayaan M5 untuk menyambungkan idea kepada konteks biologi sekali gus memperkukuh dimensi kognitif dalam penulisan. Dalam komponen contoh, peningkatan dari segi pembuktian khusus jelas ditunjukkan. Contoh yang dikemukakan oleh M5 dalam praujian hanya menyenaraikan risiko penyakit secara umum, manakala dalam pascaujian, M5 mengemukakan contoh khusus iaitu "...minyak ikan yang mengandungi omega-3" sebagai sumber nutrien. Perkara ini menunjukkan penguasaan terhadap kandungan fakta dan kemampuan mengaitkan contoh dengan konsep utama perenggan. Tambahan pula, penegasan isi yang hanya muncul dalam pascaujian memperlihatkan kematangan penulisan M5. Penegasan ini merumuskan keseluruhan perenggan dengan mengukuhkan mesej utama serta mencerminkan struktur perenggan yang lengkap dan tersusun.

Jadual 7 Analisis Perbandingan Kandungan Perenggan M5

Pekara	Praujian	Pascaujian
Idea/Isi Utama	...amalan pemakanan mengikut piramid makanan.	...mengambil makanan yang bernutrisi untuk tubuh badan.
Huraian Sokongan	...piramid makanan mempunyai kuantiti makanan yang sesuai untuk diri kita dan menjamin kehidupan kita.	...pemakanan merupakan pemacu kepada tubuh badan sihat, di mana nutrien dalam makanan akan diserap untuk menyokong sistem tubuh.
Contoh	...kita berisiko mengalami ancaman kesihatan seperti diabetes, obesiti, serangan jantung dan darah tinggi.	...kita boleh mengambil minyak ikan yang mengandungi omega-3
Penegasan Isi	-	Oleh itu, jelaslah bahawa pengambilan makanan bernutrisi dapat membantu kita mengamalkan gaya hidup sihat.
Tahap Pencapaian	Baik	Cemerlang

Secara keseluruhan, peningkatan daripada tahap baik ke tahap cemerlang bagi M5 membuktikan keberkesanan intervensi melalui penggunaan Padlet dalam PdP penulisan. Pendekatan ini telah membantu murid menghasilkan pengolahan idea yang lebih jelas, terperinci dan berautoriti. Perkembangan ini turut menyokong penemuan terdahulu oleh Mohamed Yusoff et al. (2019) dan Rofiah et al. (2023) yang menegaskan bahawa teknologi kolaboratif digital mendorong murid mengembangkan wacana secara lebih bermakna dan berpaksikan hujah.

8.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Padlet sebagai medium interaktif dalam PdP kemahiran menulis memberikan impak positif terhadap tahap pengolahan idea murid. Peningkatan yang signifikan dalam skor pascaujian ($p < 0.0001$) membuktikan bahawa murid bukan sahaja berjaya meningkatkan kualiti penulisan dari segi isi dan huraian, malah berupaya menghasilkan contoh yang lebih relevan dan tersusun. Hal ini seiring dengan dapatan Chua dan Abdul Raof (2022) yang menjelaskan bahawa pembelajaran kolaboratif berasaskan teknologi mendorong murid berinteraksi secara aktif, sekali gus memperkukuh proses pengembangan idea. Analisis kualitatif terhadap kandungan karangan murid turut

menunjukkan perkembangan yang konsisten selari dengan pencapaian skor. Murid pada tahap memuakan, baik dan kepujian menunjukkan peningkatan yang ketara selepas intervensi. Penambahbaikan ini terpancar melalui kejelasan isi, ketepatan hujah, pengembangan contoh serta kewujudan penegasan isi pada akhir perenggan. Perubahan ini menjelaskan bahawa Padlet membuka ruang pembelajaran yang responsif, membolehkan murid menerima maklum balas segera, membuat semakan sendiri, dan memperbaiki kelemahan penulisan. Perkara ini turut selari dengan dapatan Rofiah et al. (2023) yang menegaskan keberkesanan platform digital dalam meningkatkan kejelasan idea dan kekemasan struktur penulisan.

Selain itu, perkembangan yang ditunjukkan dalam kalangan murid tahap sederhana turut menyokong dapatan Lim et al. (2024) yang menyatakan bahawa medium digital memperkukuh autonomi pembelajaran dan memudahkan mereka mengakses bahan penulisan yang berkualiti. Dalam konteks pembelajaran abad ke-21, keupayaan murid untuk mengembangkan idea secara kritis adalah amat penting, dan Padlet menyediakan peluang pembelajaran berasaskan kolaborasi, pemantauan sendiri serta pengayaan idea secara visual dan interaktif. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pendekatan pengajaran yang menggunakan platform Web 2.0 seperti Padlet menyokong keperluan semasa pedagogi Bahasa Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti penulisan murid, malah menyokong perkembangan literasi digital yang relevan dengan kehendak semasa sistem pendidikan negara.

9.0 KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan Padlet sebagai alat pengajaran digital berupaya meningkatkan secara signifikan kompetensi literasi penulisan karangan fakta murid Tingkatan Tiga. Peningkatan skor pascaujian serta perubahan ketara dalam aspek pengolahan idea, huraian sokongan, pemilihan contoh dan penegasan isi membuktikan bahawa intervensi ini berkesan dalam memperkukuh penghasilan karangan yang lebih matang dan tersusun. Hasil kajian ini turut menegaskan bahawa pengintegrasian teknologi digital tidak sekadar berfungsi sebagai alat sokongan, tetapi mampu mempertingkatkan penglibatan, motivasi dan metakognisi murid dalam penulisan. Oleh itu, guru Bahasa Melayu disarankan untuk menerapkan penggunaan platform seperti Padlet secara strategik dalam PdP bagi memastikan kemahiran penulisan murid dapat dipertingkat sejajar dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21.

10.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berpotensi mempengaruhi reka bentuk kajian, pengumpulan dan analisis data, interpretasi dapatan, serta proses penulisan dan penerbitan artikel ini. Kajian ini dilaksanakan secara bebas dan beretika, tanpa sebarang pengaruh komersial, kewangan atau kepentingan peribadi daripada mana-mana pihak.

11.0 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak sekolah dan pentadbiran yang terlibat atas kerjasama serta kebenaran yang

diberikan bagi pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para guru Bahasa Melayu dan murid Tingkatan Tiga yang terlibat secara langsung sebagai responden kajian, atas komitmen, kerjasama dan kesediaan mereka sepanjang proses pengumpulan data dan pelaksanaan intervensi pengajaran. Sokongan pihak pentadbir sekolah amat dihargai dalam memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan lancar dan beretika.

12.0 SUMBANGAN PENULIS

Nur Anis Afina Muhamad bertanggungjawab dalam pelaksanaan kajian lapangan, pengumpulan data, serta penyediaan draf awal manuskrip. Mohd Hazreen Shah Hassan berperanan dalam konseptualisasi kajian, reka bentuk metodologi, analisis data statistik, pemurnian hujah akademik, serta penyuntingan kritikal keseluruhan manuskrip. Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi pula menyumbang dalam pengesahan instrumen kajian, sokongan analisis kualitatif, serta semakan literatur dan keselarasan akademik penulisan. Kesemua penulis telah membaca, menyemak dan meluluskan versi akhir manuskrip ini untuk penerbitan.

13.0 RUJUKAN

- Abd Aziz, N. A., Mohd Nor, N. F., & Zakaria, N. K. (2021). Integrating Padlet in ESL writing classroom: Exploring the potentials and challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7), 1223–1235.
- Anuyahong, B. (2024). Using Padlet based on social constructivism to enhance English writing skill of Thai students in higher level. *Int. Journal of Language and Education Research*, 6(2), 1–18. <https://doi.org/10.29329/ijler.2024.1059.1>
- Chua, Y. P., & Abdul Raof, A. H. (2022). The use of Padlet in enhancing collaborative writing skills among secondary students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 19(2), 113–128. <https://doi.org/10.32890/mjli2022.19.2.5>
- Dayu, D. P. K., & Aprillia, S. (2025). Pelatihan Penggunaan Aplikasi Padlet Untuk Meningkatkan Keterampilan Guru Mengelola Aktivitas Belajar Di Kelas. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Bangsa*, 3(1), 86-92. <https://doi.org/10.59837/jpmba.v3i1.2126>
- Fauzia, N., Purwati, O., & Anam, S. (2023). The application of the Padlet learning model to enhance critical thinking and narrative writing skills. In *Proc. IJCAH 2023* (p. 865–874). Atlantis Press. https://doi.org/10.2991/978-2-38476-152-4_83
- Ismail, E. B., & Ahmad, A. (2022). Kesediaan Murid Mengaplikasikan Penggunaan Web 2.0 dalam Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(2), 1-13. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1285>
- Ismail, M., Che Kob, C. G., Abdullah, N., & Zamzuri, F. K. (2024). Perspektif Guru Terhadap Elemen Multimedia di Dalam Modul Sequin Topik Reka Bentuk Fesyen Pada Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan Satu. *Asian Pendidikan*, 4 (1), 43-52. <https://doi.org/10.53797/aspn.v4i1.5.2024>
- Lim, W. K., Atan, N.A., Harun, J., & Abdul Hanid, M.F., (2024). Improving Critical Malay Essay Writing Competency through Authentic e Learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 170–190. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i1/19394>
- Mohamed Nawawi, N., & Mohamad, A. (2023). Hubungan penguasaan teknologi dalam pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian terhadap kemahiran

- mendengar dan bertutur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(4), 1–10. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i14.2491>
- Mohamed Yusoff, A. F., Wan Hamat, W. N., & Basir, N. K. (2019). Penggunaan aplikasi Web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Politeknik. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(5), 1–13.
- Mohd Noor, N. A., Mahamod, Z., & Mohamad Nasri, N. (2025). Isu dan cabaran pelaksanaan pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 13(1), 15–23. <https://doi.org/10.17576/jatma-2025-1301-02>
- Rahman, A. A., & Makmun, R. (2024). Penerapan Padlet secara kolaboratif bagi mempertingkatkan teknik penceritaan karangan naratif pelajar Tahun 5. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 699–713. <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.2.60>
- Rofiah, N. L., Mohd, Y., & Waluyo, B. (2023). The efficacy of integrating Padlet-mediated feedback into writing lessons: A case of low-proficiency students. *JALT CALL Journal*, 19(3), 317–343. <https://doi.org/10.29140/jaltcall.v19n3.1150>
- Salleh, S. F., & Harun, J. (2020). Pembelajaran Berasaskan Masalah Menerusi Teknologi Web 2.0 dalam Mata Pelajaran Sains dan Kesannya Terhadap Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2), 15–29.
- Tenggok, C., & Nor Shaid, N. A. (2023). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 329–345. <https://doi.org/10.55057/jdped.2023.5.1.27>